

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menyediakan rangkaian telekomunikasi serta capaian internet di kawasan-kawasan pedalaman yang masih belum mendapat liputan terutamanya di dalam kawasan Parlimen Kinabatangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk membolehkan rakyat terutama di Sabah menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.
2. Antara inisiatif-inisiatif penyediaan perkhidmatan jalur lebar di Sabah adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 30

- a. sebanyak 65 menara baharu yang sedang dalam peringkat pelaksanaan bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G. Kesemua menara ini dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat bermula suku pertama 2021; dan
 - b. sebanyak 43,879 pelanggan sedia ada di Sabah akan dinaiktaraf dari perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik. Inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Telekom Malaysia Berhad ini dijangka akan siap secara berperingkat menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.
3. Bagi Parlimen Kinabatangan pula, sebanyak tiga (3) menara komunikasi baharu akan dibina untuk penyediaan liputan jalur lebar mudah alih 3G dan 4G yang dijangka siap dan beroperasi bermula suku pertama 2021. Ini adalah tambahan kepada 141 menara dan struktur pemancar komunikasi yang telah beroperasi di Parlimen Kinabatangan. Selain itu juga, sebanyak 134 alat pemancar komunikasi di menara sedia ada di Parlimen Kinabatangan telah dinaiktaraf ke perkhidmatan jalur lebar mudah alih 4G.
4. Pihak SKMM juga melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar talian tetap yang mana sebanyak 19,345 sambungan telah disediakan di Sabah. Daripada jumlah ini, sebanyak 160 sambungan telah dilaksanakan di Parlimen Kinabatangan.
5. Pada masa yang sama, Kementerian dan SKMM juga sedang mengadakan sesi perancangan bersama pihak industri dan pelbagai agensi Kerajaan untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan jalur lebar.